

ISU ATRIBUT KUALITI PERIBADI GURU DI DALAM SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA, AMERIKA SYARIKAT DAN AUSTRALIA

Lim Kong Teong
Nurul Shahidah binti Ahmad Nasir
Abdull Sukor bin Shaari
Tang Swee Mei
Mastora binti Mustafar

ABSTRAK

Kualiti peribadi guru merupakan asas kepada kualiti profesional keguruan. Seorang guru seharusnya mempunyai kualiti peribadi yang baik yang dapat menjadi contoh kepada pelajar. Atribut peribadi terpuji yang ada dalam diri guru mampu membantu membentuk tingkah laku yang baik dalam kalangan pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti atribut kualiti peribadi guru dengan membuat analisis ke atas dokumen rasmi sistem pendidikan semasa di Malaysia, Amerika Syarikat dan Australia.. Berdasarkan penelitian ke atas sejumlah 13 model atau standard pendidikan semasa di tiga buah negara tersebut, didapati (1) terdapat sebilangan atribut peribadi yang sama atau yang ditekankan dalam standard-standard berkenaan, (2) terdapat atribut peribadi yang hampir sama bagi setiap standard tersebut dan (3) terdapat juga atribut peribadi yang unik dalam sesuatu standard itu. Persoalannya, apakah atribut peribadi yang paling penting dan sangat diperlukan oleh seorang guru? Jika terlalu banyak sudah pasti ianya memberi sedikit kesukaran kepada barisan pendidik. Justeru itu, terdapat satu keperluan yang ketara bagi melakukan kajian susulan untuk mengenal pasti atribut peribadi guru yang lazim ditekankan dan mempunyai konsensus dalam membentuk guru berkualiti agar dapat meneroka dengan lebih meluas mengenai kepentingan atribut tersebut dalam membentuk kualiti peribadi guru. Atribut peribadi guru yang dikenal pasti diharapkan dapat memperkasakan lagi kualiti guru terutamanya dari aspek kriteria pemilihan calon guru serta membantu para guru sedia ada untuk menambah baik nilai peribadi masing-masing demi meningkatkan pencapaian akademik dan sahsiah pelajar.

Kata kunci: Kualiti guru, kualiti peribadi guru, atribut peribadi

PENGENALAN

Menurut Martin (2008), kualiti peribadi merupakan prasyarat kepada kualiti profesional individu. Kualiti peribadi merupakan aspek yang lebih penting daripada pengetahuan dan kemahiran yang perlu dimiliki oleh setiap individu (Fatimah, 2018). Kekurangan kualiti peribadi yang baik boleh menyebabkan seseorang itu tidak berjaya, tidak penting, dan tidak dihargai. Ini bermakna, guru dengan kualiti peribadi yang baik bukan sahaja dapat membangunkan diri sendiri tetapi juga membangunkan individu di sekeliling mereka terutamanya pelajar. Bagi melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika, guru perlu memainkan peranan sebagai *role model* kepada pelajar dan sudah pastinya kualiti peribadi guru harus dititikberatkan.

Kualiti peribadi guru (KPG) merupakan keseluruhan atribut positif yang dimiliki oleh seseorang guru (Lim et al., 2021). Seiring dengan pengetahuan dan kemahiran pedagogi, guru juga perlu memiliki atribut peribadi yang betul kerana guru yang mempunyai atribut peribadi kritikal tertentu dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah lebih berkesan (Diez, 2006; Freeman, 2007; & Raths, 2007; Walker, 2019). Guru seharusnya menjadi contoh teladan penghayatan nilai terhadap pelajar bagi merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Hal ini kerana, tingkah laku guru sentiasa diperhatikan dan dicontohi oleh pelajar (Roslan et al., 2016). Justeru itu, guru perlu sentiasa mengekalkan dan menambah baik kualiti peribadi mereka agar dapat terus bergerak seiring dengan peredaran zaman, di samping dapat menjalankan tugas dengan lebih baik dan berkesan.

Walau bagaimanapun, melalui sorotan literatur yang dilakukan, KPG masih menjadi isu perdebatan di mana tidak terdapat kesepakatan dalam kalangan pengamal dan penyelidik apakah inti pati yang membentuk komponen KPG. Dalam erti kata lain, apakah sifat-sifat atau atribut KPG yang patut dimiliki oleh seorang guru? Tidak dapat dinafikan, sudah pastinya ianya banyak dan mungkin tidak dapat dibilang, namun sebenarnya atribut yang manakah paling penting dalam membentuk seseorang guru yang berkualiti. Hal ini bukan sahaja menjadi masalah di dalam negara, malah turut berlaku di luar negara. Sebilangan atribut peribadi tersebut bertindih dan banyak yang terangkum dalam atribut peribadi yang lain (contohnya seperti jujur, ikhlas, integriti dan amanah).

Kualiti guru merupakan suatu konsep menyeluruh yang terdiri daripada tiga komponen iaitu komponen pengetahuan, komponen kemahiran dan komponen kualiti peribadi (ATEE, 2006; BPG, 2009; Jasmi & Nawawi, 2012; Stronge, 2018). Ia adalah gabungan kesemua tiga komponen yang membawa kepada keberkesanan dalam kehidupan bekerja. Hakikatnya, kajian berkaitan KPG adalah kompleks kerana kualiti peribadi adalah konstruk afektif yang terdapat dalam diri individu dan tidak dapat dilihat (Diez, 2006; Walker, 2019; Lang & Wilkerson, 2007). Hal ini kerana, komponen kualiti peribadi lebih sukar diperhatikan, diukur dan diubah berbanding dengan komponen pengetahuan dan kemahiran yang lebih mudah dilihat dan dinilai (Awang & Abdul Wahab, 2016; Peterson, 2016, Tamim et al., 2017; Strom et al., 2019).

Oleh itu, suatu teknik mesti dibangunkan untuk melihat apa yang tidak dapat dilihat dan juga mengkaji tingkah laku individu agar dapat mendedahkan sesuatu sifat yang ada di sebalik individu tersebut (Walker, 2019). Terdapat satu keperluan yang signifikan untuk mencari jalan bagi membantu para guru khususnya dan penggubal polisi pendidikan umumnya untuk mengenal pasti apakah atribut KPG yang paling ditekankan dalam membentuk guru yang berkualiti. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti atribut peribadi guru yang terdapat di dalam sistem pendidikan di Malaysia, Amerika Syarikat dan juga Australia serta meneliti permasalahan berkaitan dengan atribut peribadi tersebut melalui analisis dokumen yang terdiri daripada standard atau model pendidikan semasa seperti standard guru, standard etika guru pelatih dan juga silibus pendidikan kebangsaan di ketiga-tiga negara tersebut.

TINJAUAN LITERATUR

Kualiti peribadi merujuk kepada keseluruhan atribut yang ada pada seseorang individu. Apa yang diperlukan adalah atribut peribadi yang positif dan bukannya atribut yang negatif demi membolehkan seseorang individu itu mencapai kejayaan dan kemajuan kejayaan dalam kehidupan kerja dan peribadi (Arjoon, 2000; Alshalabi, 2012; Opatha & Lim, 2014; Ranjit, 2011).

Teori Keperibadian Mulia atau *Virtue Theory* menitikberatkan perwatakan manusia yang berasaskan kepada keunggulan dan ianya dinyatakan sebagai etika keperibadian mulia dalam penulisan Aristotle (384-322 s.m), seorang ahli falsafah Greek yang memberi sumbangan besar terhadap Teori Keperibadian Mulia. Menurut Aristotle, keperibadian mulia merangkumi satu set sifat-sifat murni yang memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia masa kini baik dalam diri individu, masyarakat mahupun dalam konteks yang lebih luas seperti negara (Arjoon, 2000). Teori ini menyarankan asas kemoralan terletak pada pembentukan atribut diri yang baik sebagai keperibadian mulia, iaitu seseorang itu dikatakan baik jika memiliki nilai murni di dalam diri.

Atribut peribadi merupakan sifat-sifat atau kualiti peribadi yang dimiliki oleh seseorang individu yang merangkumi aspek nilai peribadi, kepercayaan, cara berfikir, cara berperilaku, tabiat fikiran dan sikap (Taylor & Wascisko, 2000; West et al., 2020). Justeru itu, selain memiliki pengetahuan, kemahiran dan komitmen yang tinggi sebagai pendidik, guru-guru di Malaysia juga perlu ada atribut kualiti peribadi yang baik serta boleh menjadi teladan kepada pelajar mereka. Hal ini adalah kerana tugas para guru pada hari ini, bukan sekadar melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dalam bidang sains dan teknologi, malah bertanggungjawab menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar (Rashidi et al. 2014). Maka guru perlu memiliki atribut dan kualiti yang baik dari segi peribadi, profesional dan sosial agar dapat menjalankan tugas sebagai pendidik dengan lebih sempurna. Ini adalah selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru, Standard 1: Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan dalam Standard Guru Malaysia yang menjadi asas untuk melahirkan guru yang berbudi pekerti bagi memenuhi fungsi sekolah (BPG, 2009).

Atribut Peribadi Guru di dalam Sistem Pendidikan Malaysia

Di Malaysia, atribut peribadi guru diterjemahkan dengan jelas melalui nilai-nilai murni yang ada di dalam standard guru, kurikulum kebangsaan, etika kerja Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juga ujian kemasukan program perguruan memandangkan ianya adalah aspek penting dalam pengajaran dan boleh mempengaruhi kehidupan para guru dan juga pelajar. Nilai murni merujuk kepada atribut peribadi yang membawa maksud garis panduan yang ditetapkan oleh setiap individu untuk menyesuaikan dengan gaya hidup mereka, menentukan keperibadian mereka, memenuhi tujuan dan keperluan dengan mengikut senarai tingkah laku positif (Raths et al., 1987). Nilai murni ialah nilai yang menjadi asas kepada pembentukan akhlak mulia (Abd. Rahim, 2001). Di dalam konteks pendidikan, konsep nilai murni berkait rapat dengan moral, prinsip atau kelakuan manusia, khususnya bagi pelajar dan guru di sekolah. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu dari segi emosi, intelek, jasmani dan rohani agar dapat melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Penekanan kepada nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia amat diutamakan oleh KPM. Penerapan nilai-nilai murni secara menyeluruh adalah melalui semua mata pelajaran berdasarkan pendekatan penerapan nilai merentas kurikulum, melalui PdP, kegiatan kokurikulum, dan melalui tingkah laku guru-guru yang menjadi ikutan para pelajar (KPM, 2018). Antara nilai murni yang dinyatakan dalam isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Moral sekolah menengah adalah seperti atribut baik hati, hemah tinggi, hormat, kasih sayang, kerjasama, kesederhanaan dan toleransi (KPM, 2019). Oleh itu, guru hendaklah terlebih dahulu mengamal dan menghayati nilai murni yang hendak diajar. Hal ini kerana, guru sememangnya memainkan peranan yang penting untuk membantu memupuk nilai murni dalam kalangan pelajar kerana mereka bertanggungjawab sebagai model penerapan nilai murni (Lickona, 1991). Justeru itu, guru seharusnya mempunyai kualiti peribadi yang baik agar dapat membudayakan amalan nilai murni di sekolah.

Hakikatnya di Malaysia, seseorang guru perlu patuh kepada Etika Kerja KPM, Tatasusila Profesion Keguruan, Kod Etika Guru dan Standard Guru Malaysia (SGM) kerana tidak mahu pendidikan seolah-olah hanya untuk melahirkan insan yang berpelajaran tetapi tidak berakhlak (Alis Puteh, 2016). SGM merupakan satu standard yang menjadi kayu ukur kepada kualiti guru dan bakal guru. Dokumen SGM telah digubal pada tahun 2009 (Idris & Hamzah, 2012). Inisiatif ini diambil oleh KPM bagi merealisasikan hasrat untuk menghasilkan guru yang kompeten dan berkualiti. Bahagian Pendidikan Guru (BPG) KPM telah membangunkan SGM sebagai garis panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi pendidikan guru di Malaysia (Low et al., 2016). Asas penentuan SGM adalah melalui Misi Nasional, FPK, Falsafah Pendidikan Guru, Tatasusila Profesion Keguruan dan Etika Kerja KPM (SGM, 2009). Aspek nilai murni dapat dilihat dengan jelas melalui Domain Diri: Standard 1 Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan SGM (lihat Rajah 1) yang menekankan atribut peribadi yang perlu ada pada setiap guru. Domain diri

bermaksud pegangan nilai diri yang sedia ada pada seorang guru dan patut dikembangkan supaya guru dapat memberikan sumbangan kepada profesion keguruan bagi mencapai matlamat sistem pendidikan negara (SGM, 2009).

| | | | |
|--------|--------------------------|---------|---|
| S1.1.1 | kepercayaan kepada Tuhan | S1.1.8 | adil |
| S1.1.2 | amanah | S1.1.9 | bertimbang rasa |
| S1.1.3 | ikhlas | S1.1.10 | daya tahan, daya saing dan tahan lasak |
| S1.1.4 | berilmu | S1.1.11 | cerdas, aktif dan sihat |
| S1.1.5 | kasih sayang | S1.1.12 | kemahiran interpersonal dan intrapersonal |
| S1.1.6 | sabar | S1.1.13 | semangat sukarela |
| S1.1.7 | budi bahasa | S1.1.14 | efisien |

Rajah 1: Domain Diri Standard Guru Malaysia

Sumber: Standard Guru Malaysia, KPM (2009)

Etika Kerja KPM pula memberi fokus kepada aspek nilai murni setiap guru. Setiap guru perlu melaksanakan dan menghayati Etika Kerja KPM berdasarkan enam prinsip iaitu niat yang betul, perlakuan yang baik, penggerak ke arah kebaikan, memperkotakan apa yang dikatakan, berdisiplin dan beradab serta menghargai dan bertanggungjawab terhadap hasil usaha organisasi (SGM, 2009). Manakala bagi individu yang berminat untuk menjadi guru pula perlu melalui proses kelayakan masuk program latihan perguruan terlebih dahulu sebelum dapat mengikuti latihan perguruan di mana-mana agensi dan institut latihan perguruan. Ujian kelayakan masuk ke program latihan perguruan merupakan suatu keperluan sebagai syarat dan kriteria bagi memastikan individu yang betul-betul layak sahaja akan diterima masuk (SGM, 2009).

Antara ujian kelayakan masuk calon guru yang dilaksanakan di Malaysia ialah Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI), Inventori Sahsiah Keguruan (INSAK) dan "Malaysian Teacher Selection Test" (MTeST) untuk menyaring calon yang memiliki ciri pendidik berkualiti. Ujian-ujian ini adalah untuk memastikan calon yang memohon betul-betul berminat untuk menjadi guru dan mempunyai kebolehan untuk mengajar. Kecenderungan memiliki peribadi yang selaras dengan latar belakang kerjaya dapat membantu individu mencapai kestabilan kerja (Sidek, 2009). Pada hari ini, ujian INSAK merupakan ujian yang wajib diambil oleh calon guru melalui Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG). UKCG merupakan ujian yang wajib diduduki oleh calon Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di Institut Pendidikan guru Malaysia (IPGM) dan juga calon Program Guru Interim KPM (individu yang mempunyai ijazah di luar bidang pendidikan).

Ringkasnya, sistem pendidikan di Malaysia amat mentikberatkan aspek atribut peribadi dalam kalangan warga pendidik. Aspek kualiti atribut peribadi seseorang guru diterapkan melalui nilai-nilai murni yang ada di dalam setiap standard pendidikan yang ada.

Atribut Peribadi Guru di dalam Sistem Pendidikan Amerika Syarikat

Sistem pendidikan di Amerika Syarikat menggunakan istilah disposisi yang membawa maksud atribut peribadi atau nilai murni yang ada pada seseorang individu. Di Amerika Syarikat, atribut peribadi diterjemahkan melalui Pendidikan Karakter yang diintegrasikan dalam kurikulum sekolah (U.S.DoE, 2008). Dengan itu, pembentukan atribut menjadi sebahagian daripada apa yang dapat dilihat melalui nilai dan iklim di sekolah. Menurut Smith (2013), pembentukan akhlak yang bermoral adalah pendekatan sekolah untuk membantu pelajar menjadi individu yang baik dan beretika. Domain nilai yang menjadi tumpuan program pendidikan perwatakan adalah: 1) Nilai intrapersonal yang meliputi ciri-ciri tingkah laku dan sikap individu dalam pelbagai situasi dan aktiviti seperti kejujuran, keberanian, ketekunan, disiplin diri, tanggungjawab, integriti; 2) Nilai-nilai interpersonal yang mencirikan tingkah laku dan sikap individu terhadap orang lain, terutama dalam hubungan dengan keluarga, rakan sebaya, guru, dan orang lain seperti prihatin, rasa hormat, empati, kepercayaan, keadilan, toleransi terhadap kepelbagaian; dan 3) Kebajikan sivik yang mencirikan tingkah laku dan sikap individu terhadap masyarakat seperti warganegara yang baik, patriotisme, kesaksamaan (U.S DoE, 2020). Walaupun tidak terdapat peraturan yang ditetapkan berkenaan nilai murni apa yang perlu ada di dalam kurikulum Pendidikan Karakter, namun Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat (U.S. DoE), telah menjadikan dapatan laporan tersebut sebagai suatu mandat agar dapat menjadi garis panduan di sekolah (Ohler, 2011).

Disposisi guru juga telah menjadi komponen penting dalam program latihan perguruan dan standard pengajaran profesional di Amerika Syarikat sejak tahun 1990-an (Thomas, Huffman & Flake, 2016). Pada tahun 1996, *The National Commission on Teaching and America's Future (NCTAF)* telah mengesyorkan tiga badan profesional yang memainkan fungsi yang signifikan dan diiktiraf peranannya dalam menambah baik kualiti guru kepada sekolah-sekolah di Amerika Syarikat (Peterson, 2016), iaitu *The National Council for Accreditation of Teacher Education (NCATE)*, *The Interstate Teacher Assessment and Support Consortium (InTASC)*, dan *The National Board for Professional Teaching Standards (NBPTS)*. Oleh yang demikian, menangani masalah kualiti peribadi guru dalam program latihan perguruan telah menjadi satu keperluan dalam proses akreditasi di peringkat negeri dan kebangsaan sejak tahun 2002 (NCATE, 2008). Pada Jun 2013, terdapat dua badan akreditasi kebangsaan, iaitu *The National Council for Accreditation of Teacher Education (NCATE)* dan *The Teacher Education Accreditation Council (TEAC)*. Kemudiannya, pada tahun 2009, TEAC dan NCATE telah melantik satu pasukan reka bentuk yang bertanggungjawab untuk menubuhkan suatu badan akreditasi tunggal yang kemudiannya dikenali sebagai *The Council for Accreditation of Teacher Education (CAEP)*. Justeru, pada Julai 2013 CAEP berfungsi sepenuhnya sebagai satu-satunya badan akreditasi untuk pendidikan guru di Amerika Syarikat (Michelli & Karp, 2017).

Dalam buku panduan CAEP (2018), disposisi merujuk kepada tabiat mengenai tingkah laku professional dan komitmen etika yang menjadi asas kepada prestasi seseorang pendidik (*InTASC Model Core Teaching Standards*, m.surat 6.). Namun, dokumen akreditasi CAEP tidak menyatakan dengan jelas disposisi profesional yang manakah perlu dimiliki oleh calon guru (Kinderwater, 2013). Sebaliknya, CAEP menyarankan agar merujuk kepada dokumen standard InTASC. Secara spesifik, InTASC (1992) menggunakan kata-kata berikut untuk menerangkan ciri-ciri yang terangkum dalam konsep disposisi: mengamalkan, menghormati,

percaya, komited, bersemangat (penuh minat), tabah, menyedari, mengenali, keyakinan diri, responsif, ambil berat, bertimbang rasa, bertanggungjawab, cuba memperoleh, sensitif, memahami, dan menghargai” (Johnston et al., 2011; Peterson, 2016). Di samping itu, setiap unit pendidikan profesional boleh mengenal pasti, menentukan, dan mengoperasikan disposisi profesional tambahan berdasarkan misi dan kerangka konseptual masing-masing.

Matlamat TEAC adalah untuk menyokong penyediaan guru profesional yang kompeten, penyayang, dan berkelayakan. TEAC mengakreditasi program pengajian berdasarkan tiga prinsip kualiti: 1. bukti pembelajaran calon guru; 2. pembelajaran institusi; dan 3. kemampuan dari segi kurikulum, fakulti, sumber, kemudahan, penerbitan, perkhidmatan sokongan pelajar dan polisi untuk menyokong pembelajaran calon guru dan kualiti program pengajian. Prinsip-prinsip kualiti TEAC memerlukan bukti bahawa calon guru memahami mata pelajaran dan pedagogi pengajaran serta mereka telah memperoleh kemahiran mengajar profesional yang prihatin (Murray, 2005). Menurut TEAC (2012), prihatin merangkumi disposisi profesional (sikap, nilai-nilai, dan kepercayaan) yang dihargai dalam bidang pendidikan dan dipamerkan dalam tingkah laku guru. Boleh dikatakan disposisi spesifik yang ditekankan dalam standard akreditasi TEAC adalah lebih samar lagi (Smith & Skarbek, 2013).

Disebabkan (1) ketidakjelasan berkenaan disposisi profesional guru yang manakah standard akreditasi program latihan perguruan dan standard pengajaran profesional inginkan guru (kedua-dua pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan) miliki serta (2) keperluan memantau dan menilai disposisi guru untuk tujuan akreditasi maka setiap institusi pendidikan telah membangunkan instrumen penilaian masing-masing untuk menilai disposisi calon guru (Kinderwater, 2013; Young & Wilkins, 2008). Sehubungan dengan ini, Young dan Wilkins (2008) telah menjalankan satu kajian kualitatif ke atas instrumen penilaian disposisi calon guru yang digunakan oleh 32 institusi pendidikan di Amerika Syarikat. Menurut Young dan Wilkins (2008), walaupun kualiti peribadi mungkin adalah yang paling sukar untuk dikenal pasti dan diukur, namun ia merupakan bidang yang mempunyai kesan paling ketara terhadap pembelajaran dan motivasi pelajar. Semangat, sikap, keyakinan diri, dan tahap kematangan guru memainkan peranan utama dalam keseluruhan pembelajaran di dalam kelas. Secara keseluruhannya sistem pendidikan di Amerika Syarikat menyatakan atribut peribadi yang tersendiri walaupun ianya tidak dinyatakan secara jelas.

Atribut Peribadi Guru di dalam Sistem Pendidikan Australia

Pada tahun 2005, kerangka kebangsaan Australia yang merangkumi sembilan nilai murni bagi pendidikan nilai telah diperkenalkan untuk semua sekolah di Australia (DEST, 2005). Nilai-nilai teras dalam kerangka kebangsaan itu datangnya daripada *Values Education Study* (2003) yang dijalankan ke atas komuniti sekolah Australia dan juga dokumen *National Goals for Schooling in Australia in the Twenty-First Century*. Sekolah-sekolah digalakkan untuk mengembangkan sembilan nilai teras melalui kerjasama dengan komuniti setempat. 9 nilai murni tersebut adalah penyayang dan belas kasihan, melakukan yang terbaik, bersikap adil, kebebasan, kejujuran dan kepercayaan, berintegriti, saling menghormati, bertanggungjawab serta memahami, bertoleransi dan penglibatan (DEST, 2005).

Berbeza dengan standard pendidikan profesional di Amerika Syarikat yang dibangunkan oleh konsortium nasional dan badan profesional, kebanyakan standard profesional bagi pendidikan di Australia dikeluarkan oleh agensi pendidikan kerajaan negeri (Louden, 2000). Pihak kerajaan Australia juga telah mengeluarkan standard kebangsaan profesional guru bagi menggantikan pelbagai versi standard yang sebelum ini dikeluarkan mengikut negeri masing-masing agar dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru dengan lebih berkesan (Clarke & Moore, 2013).

Australian Institute for Teaching and School Leadership (AITSL) telah dibentuk pada tahun 2005 bagi menyediakan kepimpinan di peringkat kebangsaan untuk kerajaan Komanwel, negeri dan wilayah dalam mempromosikan kecemerlangan profesion guru dan kepimpinan sekolah melalui dana yang disediakan oleh pihak kerajaan Australia (AITSL, 2011). Pada tahun 2011, AITSL telah menetapkan *Australian Professional Standards for Teachers* (APST) (Call, 2018) yang disahkan oleh MCEECDYA (*Ministerial Council for Education, Early Childhood Development and Youth Affairs*) (Celik, 2011). Tujuan standard ini adalah sebagai garis panduan kepada guru-guru di Australia satu set standard yang akan berfungsi sebagai mekanisme jaminan kualiti bagi meningkatkan kualiti pengajaran secara keseluruhan serta memberi impak maksimum terhadap pembelajaran pelajar (Timperley, 2011). APST mencerminkan prinsip yang dipersetujui secara meluas dalam profesion perguruan, telah disusun dalam tiga domain dan tujuh standard (lihat Jadual 3). Prinsip-prinsip tersebut menetapkan penanda aras bagi amalan pengajaran yang berkesan, menggunakan standard sebagai rujukan umum bagi menentukan jangkaan kompetensi guru dan membentuk asas bagi proses akreditasi guru sepanjang kerjaya (Green et al., 2018).

Jadual 3: Domain Guru dan Kenyataan Standard dalam Standard Profesional Australia

| DOMAIN PENGAJARAN | STANDARD |
|------------------------------------|--|
| Pengetahuan Profesional | 1. Mengetahui pelajar dan mengetahui bagaimana mereka belajar 2. Mengetahui silibus subjek dan bagaimana hendak mengajar |
| Amalan Profesional | 3. Mempunyai perancangan untuk implementasi pembelajaran dan pengajaran yang efektif 4. Mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang saling menyokong dan selamat 5. Menilai, memberi maklum balas dan laporan mengenai pembelajaran pelajar |
| Penglibatan Profesional | 6. Penglibatan di dalam pembelajaran profesional 7. Penglibatan profesional dengan rakan sekerja, ibu bapa atau penjaga dan komuniti setempat |

Sumber: AITSL, (2011)

APST dirancang untuk menyokong guru dengan kerangka yang dapat membimbing pembelajaran profesional mereka di setiap empat peringkat kerjaya sebagai guru iaitu; Siswazah, Mahir, Berprestasi Tinggi dan Memimpin (AITSL, 2013). Dalam setiap peringkat kerjaya, tiga domain yang sama menyediakan tujuh standard pengajaran. Standard ini juga menjadi asas untuk akreditasi kursus-kursus pendidikan calon guru, pendaftaran guru yang baru dilantik, dan penilaian prestasi serta akreditasi profesional (Mars, 2012). Walau bagaimanapun, analisis dokumen APST menunjukkan bahawa APST tidak membuat rujukan eksplisit terhadap kualiti, nilai dan disposisi peribadi guru (Fletcher, Walker & Boniface, 2013; Maree, Wyatt-Smith & Looney, 2016). Penglibatan profesional pula hanya merujuk kepada pembelajaran profesional dan hubungan dengan ibu bapa, rakan sekerja dan masyarakat.

Bagi institusi latihan perguruan pula, garis panduan pemilihan calon guru dengan jelas menyatakan calon perlu menunjukkan prestasi dari segi akademik, tetapi prestasi dari aspek non-akademik (*non-academic*) yang membolehkan mereka membangunkan kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi keperluan APST di penghujung program pendidikan. Antara aspek non-akademik yang dikenali pasti penting untuk kejayaan pengajaran adalah termasuk bermotivasi untuk mengajar, kemahiran interpersonal dan komunikasi, kesanggupan untuk belajar, sifat penyayang, kecekapan diri, yakin, berhemat (menjalankan tugas dengan teliti dan bertanggungjawab) dan kemahiran mengatur serta merancang (AITSL, 2015). Di Australia, kod etika dan tingkah laku adalah berkaitan dengan negeri dan wilayah sementara standard profesional, kurikulum dan matlamat strategik telah berpindah ke domain nasional (Forster, 2012). Namun, setiap negeri dan wilayah mempunyai beberapa perbezaan yang signifikan serta persamaan dalam mendefinisikan tanggungjawab etika dan peraturan tingkah laku guru. Analisis ke atas dokumen kod etika dan tingkah laku profesional guru di Australia yang dilakukan oleh Forster (2012) mengesahkan bahawa Australia secara amnya bersetuju bahawa atribut integriti dan atribut hormat adalah aspek penting sebagai seorang guru yang bermoral. Dua aspek ini wujud secara jelas dalam semua kod etika dan tingkah laku yang ada di negeri dan wilayah dalam Australia, manakala aspek lain seperti adil dan berrmaruah serta prihatin dan bertanggungjawab juga agak dititikberatkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur iaitu analisis dokumen yang bertujuan untuk mengenal pasti serta meneliti secara kritis penemuan semula kajian (Baumeister & Leary, 1997). Kaedah ini digunakan untuk memperoleh maklumat secara mendalam terhadap apa yang dikaji. Tujuan utama analisis dokumen ini adalah untuk mengenal pasti atribut peribadi yang terdapat dalam sistem pendidikan semasa di dalam dan juga di luar negara. Analisis dokumen bagi kajian ini adalah berdasarkan standard atau model pendidikan semasa (seperti standard guru dan standard etika guru pelatih) serta silibus mata pelajaran berkaitan yang meliputi tiga buah negara iaitu Malaysia, Amerika Syarikat dan Australia.

Pemilihan dokumen berdasarkan standard pendidikan adalah kerana dokumen standard dibangunkan oleh sekumpulan individu yang mahir (pakar) dalam bidang tertentu dan ianya juga merupakan sesuatu yang telah diktiraf dan dijadikan dasar bagi mengukur atau menilai sesuatu aspek. Manakala analisis dokumen bagi sistem pendidikan di Amerika Syarikat dan Australia pula adalah kerana kedua-dua negara merupakan negara maju yang telah tersenarai antara negara yang mempunyai sistem pendidikan terbaik di dunia (Garibay, 2021; US News & World Report, 2021). Pemilihan negara tersebut diharapkan dapat menjadi penanda aras kepada sistem pendidikan Malaysia dengan harapan kualiti sistem pendidikan negara ini dapat ditingkatkan seiring hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah *hub* pendidikan bertaraf global.

Dalam kajian ini, kata kunci 'atribut peribadi', 'disposisi guru', 'nilai murni' dan 'nilai peribadi' digunakan bagi mendapatkan data kajian. Kata kunci yang sesuai dipilih berdasarkan objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji. Strategi kajian juga turut dilakukan dengan membuat carian melalui *Google Search* bagi memperoleh dokumen standard pendidikan semasa dan yang terdahulu di ketiga-tiga negara tersebut. Akhirnya, sejumlah 13 standard atau model pendidikan semasa telah diteliti dalam kajian ini iaitu 5 di Malaysia, 4 di Amerika Syarikat dan 4 di Australia seperti yang terdapat di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Rumusan Dokumen Standard Pendidikan di Malaysia, Amerika Syarikat dan Australia

| Negara | Dokumen Standard yang Diteliti | | | | |
|------------------|--|-------------------------|---|--|--|
| | Kurikulum Kebangsaan | Standard Guru | Standard Guru | Ujian Kemasukan Program Keguruan | Ujian Kemasukan Program Keguruan |
| Malaysia | Nilai Murni silibus mata pelajaran Pendidikan Moral Sekolah Menengah | Standard Guru Malaysia | Prinsip dan Nilai Utama Etika Kerja KPM | Malaysian Educator Selection Inventory (MEdSI) | Ujian Inventori Sahsiah Keguruan (INSAK) |
| Amerika Syarikat | <i>Character Education</i> | <i>InTASC Standards</i> | <i>NCATE Standards</i> | <i>Young & Wilkins Report</i> | |
| Australia | <i>National Framework for Values Education</i> | <i>Codes of Ethics</i> | <i>Australian Professional Standards for Teachers</i> | <i>AJTSL Teacher Selection Guidelines</i> | |

DAPATAN

Tujuan utama kajian ini adalah bagi mengenal pasti atribut peribadi guru yang terdapat di dalam sistem pendidikan di Malaysia, Amerika Syarikat dan Australia serta meneliti isu-isu yang berkaitan dengan atribut-atribut yang telah dikenal pasti tersebut. Berdasarkan sorotan literatur yang telah dibincangkan, pengkaji telah meneliti nilai-nilai murni dan atribut kualiti peribadi yang

ditekankan dalam sistem pendidikan bagi ketiga-tiga negara tersebut seperti yang terdapat di dalam Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4.

Jadual 2: Atribut peribadi yang terdapat di dalam Sistem pendidikan Malaysia

| Bil. | Kurikulum Kebangsaan | Standard Guru | | Ujian Kemasukan Program Perguruan | |
|------|--|--|---|---|---|
| | Nilai Murni dalam Silibus Pendidikan Moral | Standard Guru Malaysia | Prinsip dan Nilai Utama Etika Kerja KPM | Malaysian Educator Selection Inventory (MEdSI) | Ujian Inventori Sahsiyah Keguruan (INSAK) |
| 1 | Kepercayaan kepada Tuhan | Amanah | Amanah | Amanah (kebolehpercayaan, cekap, menghargai masa, komited) | Amanah |
| 2 | Bertanggungjawab | Adil | Perlakuan yang baik | Bersih (ketinggian peribadi, baik hati, menjadi contoh) | Ikhlas dan dedikasi |
| 3 | Berdikari | Kasih sayang | Penyayang | Bijaksana (Kesederhanaan, berhemat, kreatif, proaktif, sabar) | Taat setia |
| 4 | Harga Diri | Berilmu | Dedikasi | Ekstrovert (suka bekerja dengan orang ramai) | Kawalan emosi |
| 5 | Kerajinan | Ikhlas | Ikhlas | Intelektual (mencabar minda dan kebolehan intelektual) | Disiplin |
| 6 | Berterima kasih | Sabar | Niat yang betul | Ketahanan Diri (cekal, bermotivasi) | Kepekaan |
| 7 | Patriotisme | Budi bahasa | Benar | Kepimpinan | Kepimpinan |
| 8 | Kebebasan | Kepercayaan kepada tuhan | Bijaksana | Menolong (simpati, kasih sayang, beri bantuan, buat baik kepada orang lain) | Motivasi |
| 9 | Keberanian | Bertimbang rasa | Bersyukur | Pencapaian (bermotivasi, status tinggi, suka bersaing) | Kreatif dan inovatif |
| 10 | Kejujuran | Daya tahan, daya saing dan tahan lasak | Berdisiplin dan beradab | Analitikal (sensitif dan prihatin kepada persekitaran,permerhatian dan analisis sebelum buat keputusan) | Kematangan fikiran |
| 11 | Rasional | Cergas, aktif dan sihat | Menghargai dan bertanggungjawab | Asertif (tegas) | |
| 12 | Baik hati | Semangat sukarela | Memperkotakan apa yang dikatakan | Autonomi (suka kebebasan dalam tindakan dan dapat mengawal aktiviti harian) | |
| 13 | Hemah tinggi | | | | |
| 14 | Hormat | | | | |
| 15 | Kasih sayang | | | | |
| 16 | Kerjasama | | | | |
| 17 | Kesederhanaan | | | | |
| 18 | Toleransi | | | | |

Jadual 2 menunjukkan atribut peribadi yang dinyatakan di dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kelihatan di sini, atribut peribadi yang cenderung ditekankan di dalam konteks pendidikan Malaysia adalah meliputi atribut prihatin (kasih sayang, baik hati, menolong, penyayang), adil, hormat, ikhlas dan amanah (jujur). Selain itu terdapat beberapa atribut peribadi yang tunggal yang tidak dinyatakan dalam standard lain seperti kematangan berfikiran (INSAK) dan patriotisme (Nilai Murni FPK dalam silibus mata pelajaran Pendidikan Moral).

Jadual 3: Atribut peribadi yang terdapat dalam Sistem Pendidikan Amerika Syarikat

| Bil. | Kurikulum Kebangsaan | Standard Guru | Standard Akreditasi Pendidikan Guru | Standard Guru Pelatih |
|------|-----------------------|---------------------------|-------------------------------------|---|
| | (Character Education) | InTASC Standards (1992) | NCATE | Young & Wilkins Report (2008) |
| 1 | Rasa hormat | Menghormati | Penyayang | Menghormati pelajar |
| 2 | Kebolehpercayaan | Bertanggungjawab | Adil | Pemikiran kritikal |
| 3 | Bertanggungjawab | Ambil berat | Kejujuran | Penuh minat dan dedikasi |
| 4 | Prihatin | Bertimbang rasa | Bertanggungjawab | Etika (bermaruah diri) |
| 5 | Toleransi | Keyakinan diri | Keadilan Sosial | Kepimpinan (sanggup bertanggungjawab dan boleh memimpin) |
| 6 | Disiplin diri | Responsif | | Personaliti (mesra, sikap positif, disenangi, fleksibel, tenang, sabar) |
| 7 | Kejujuran | Bersemangat (penuh minat) | | Perkembangan profesional |
| 8 | Empati | Tabah | | Reflektiviti |
| 9 | Keberanian | Komited | | Perhubungan positif |
| 10 | Keadilan | Memahami | | Keyakinan diri |
| 11 | Ketekunan | Menghargai | | Menerima kritikan |
| 12 | Integriti | | | Berkhidmat kepada pelajar, sekolah dan komuniti |
| 13 | Patriotisme | | | Tabiat kerja (berdisiplin, boleh dipercayai, berinisiatif, berdikari) |
| 14 | Warganegara yang baik | | | |
| 15 | Saksama | | | |

Jadual 3 merupakan atribut peribadi guru di dalam konteks pendidikan di Amerika Syarikat. Secara keseluruhannya, pendidikan di Amerika Syarikat menyatakan nilai peribadi yang tersendiri menerusi standard guru dan juga standard guru pelatih walaupun ianya tidak dinyatakan secara jelas. Set atribut peribadi yang agak berbeza juga turut dinyatakan melalui kurikulum mata pelajaran Pendidikan Karakter. Walaupun atribut peribadi berkaitan dengan pengajaran yang berkesan telah ditakrifkan secara berlainan, namun terdapat pertindihan dalam penunjuk yang mengemukakan bukti bagi kesahan konstruk (Johnston et al., 2011). Kelihatan atribut peribadi guru yang mendapat penekanan secara umum meliputi hormat, bertanggungjawab, kebolehpercayaan, bersemangat dan juga prihatin (kasih sayang, mengambil berat, bertimbang rasa, memahami).

Jadual 4: Atribut Peribadi yang terdapat di dalam Sistem Pendidikan Australia

| Bil. | Kurikulum Kebangsaan | Standard Guru | | Standard Guru Pelatih |
|------|---|--|--|------------------------------|
| | National Framework for Values Education | Codes of Ethics | Australian Professional Standards for Teachers | Panduan Pemilihan Calon Guru |
| 1 | Integriti (beretika, bermoral) jujur | Integriti (kejujuran, bertanggungjawab, benar, saksama, bermaruah, hormat, dapat dipercayai (amanah) | Penglibatan profesional dengan rakan sekerja, ibu bapa atau penjaga dan komuniti | Motivasi untuk mengajar |
| 2 | Hormat | Hormat-menghormati | | Sanggup belajar |
| 3 | Adil | Keadilan | | Berhemat |
| 4 | Prihatin dan belas kasihan (empati, memahami) | Prihatin | | Bersikap penyayang |
| 5 | Bertanggungjawab | Bertanggungjawab | | Kecekapan diri (yakini) |
| 6 | Kebebasan | Bermaruah (menjaga maruah profesion) | | |
| 7 | Kejujuran dan kepercayaan (Jujur, ikhlas dan mencari kebenaran) | | | |
| 8 | Buat yang terbaik | | | |
| 9 | Pemahaman dan penglibatan | | | |

Jadual 4 menunjukkan atribut peribadi yang dinyatakan di dalam sistem pendidikan di Australia. Antara atribut peribadi yang menjadi perhatian utama dalam konteks pendidikan di Australia ialah berintegriti, hormat, adil, prihatin, bertanggungjawab dan melibatkan diri dengan warga sekolah, ibu bapa serta komuniti setempat. Terdapat juga atribut unik yang turut sama penting kepada pendidikan Australia terutamanya kepada calon guru iaitu bermaruah.

PERBINCANGAN

Walaupun secara keseluruhannya, sistem pendidikan di ketiga-tiga negara telah menyatakan atribut peribadi yang tersendiri menerusi standard pendidikan sedia ada, namun setiap negara tidak menyatakan dengan jelas apakah atribut peribadi yang sebenarnya yang paling diperlukan oleh seorang guru atau bakal guru. Jelas kelihatan di sini, terdapat terlalu banyak atribut peribadi yang dinyatakan dan perlu dipraktikkan oleh setiap guru. Ironinya, jika terlalu banyak ianya pasti sukar buat para guru untuk fokus terhadap atribut mana yang mesti dipatuhi terutamanya ketika sesi PdP dijalankan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengkaji dengan lebih mendalam bagi mengenal pasti apakah atribut peribadi yang paling lazim ditekankan oleh negara-negara berkenaan agar dapat menambah baik aspek kualiti peribadi seorang guru.

Selain itu, kelihatan standard-standard setiap negara juga mengemukakan berpuluh-puluh atribut peribadi yang berbeza yang perlu dimiliki oleh seorang guru. Hakikatnya, setiap guru sudah pastinya tidak mampu untuk memiliki kesemua atribut peribadi tersebut memandangkan terlalu banyak yang perlu mereka tumpukan. Masalah akan berlaku di mana timbulnya kekeliruan dalam kalangan guru atribut manakah yang sepatutnya mereka betul-betul miliki, tetapi dalam masa yang sama mereka perlu patuh kepada setiap standard yang telah ditetapkan. Jika hal ini berterusan, impaknya mungkin guru-guru akan rasa terbeban dan juga kurang bersemangat dan rendah motivasi diri untuk kekal fokus sebagai seorang pendidik. Ini pastinya akan membantutkan usaha kerajaan untuk menambah baik dan meningkatkan kualiti guru. Oleh yang demikian, set atribut peribadi yang parsimoni perlu wujud supaya dapat menjadikan konsep KPG lebih mudah untuk difahami, diukur dan diuruskan. Dengan mengambil kira maksud dan sifat sesuatu atribut, beberapa atribut peribadi telah dikenal pasti mempunyai persamaan, perbezaan serta tunggal (unik) berdasarkan penelitian ke atas sejumlah 13 standard pendidikan semasa setiap negara tersebut (Rujuk Jadual 5).

Jadual 5: 19 Atribut peribadi yang berbeza bagi konteks pendidikan di Malaysia, Amerika Syarikat dan Australia

| | MALAYSIA (5)* | AMERIKA SYARIKAT (4)* | AUSTRALIA (4)* |
|-------------------------|---------------|-----------------------|----------------|
| Atribut Peribadi (SAMA) | Jujur | Jujur | Jujur |
| | Penyayang | Penyayang | Penyayang |
| | Hormat | Hormat | Hormat |
| | Disiplin | Disiplin | Disiplin |
| | Adil | Adil | Adil |
| | Ikhlas | Ikhlas | Ikhlas |
| | Berdaya usaha | Berdaya usaha | Berdaya usaha |
| | Yakin | Yakin | Yakin |
| | Berilmu | Berilmu | Berilmu |

| | Rasional Sabar | Rasional Sabar | Rasional Sabar |
|--------------------------------|--|---|---|
| Atribut Peribadi (HAMPIR SAMA) | Tabah Setia Berdikari Mencari Kebenaran Kebebasan - | Tabah Setia Berdikari - - | - - Mencari Kebenaran Kebebasan Bertanggungjawab |
| Atribut Peribadi (UNIK) | Kepercayaan kepada Tuhan Cergas, aktif, sihat Semangat sukarela Ekstrovert Pencapaian Analitikal Asertif Motivasi Kematangan fikiran | Reflektiviti Berfikir secara mendalam Inisiatif Optimis Kebolehsuaian Menyedari Mengenali Responsif Keyakinan diri Cuba mendapatkan Personaliti Menerima kritikan Tabiat kerja | Bertanggungjawab Bermaruah Buat yang terbaik Konstruktif |

* Rujukan atribut berdasarkan model/standard/silibus kurikulum sistem pendidikan semasa setiap negara.

Jika diteliti, terdapat beberapa atribut yang sama dan hampir sama ditekankan di dalam sistem pendidikan di Malaysia, Amerika Syarikat dan Australia. Manakala kewujudan atribut peribadi unik tersebut pula, mungkin disebabkan faktor perbezaan agama, budaya, iklim bilik darjah dan pelbagai lagi faktor lain yang menyebabkan atribut peribadi tersebut penting dalam sistem pendidikan negara masing-masing. Justeru itu, usaha untuk menjalankan kajian susulan perlu dilakukan bagi mengetahui apakah atribut peribadi positif guru yang paling ditekankan dan mempunyai konsensus dalam membentuk seorang guru yang berkualiti. Suatu pendekatan untuk mengenal pasti set atribut KPG yang parsimoni perlu dilaksanakan dengan mengambil kira komponen KPG tersebut dapat dipraktikkan oleh warga pendidik tanpa ada perbezaan agama, latar belakang, jantina serta budaya yang terdapat di sesebuah negara. Set komponen KPG itu juga pastinya dapat membantu guru-guru dalam membentuk sahsiah pelajar dan seterusnya menjadi pemangkin untuk meningkatkan kecemerlangan akademik para pelajar.

KESIMPULAN

Kualiti peribadi yang ada pada guru akan membentuk sikap, personaliti, nilai dan etika profesional mereka sepanjang menjalankan tugas sebagai pendidik. Guru berkualiti merupakan guru yang memiliki atribut peribadi positif yang dapat menjadi suri teladan terhadap para pelajar. Oleh itu, guru-guru seharusnya dapat mengekalkan, mengamalkan menambah baik atribut peribadi yang positif dari masa ke semasa seiring dengan tugas guru hari ini yang semakin mencabar. Di samping dapat membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik mereka, KPG yang ada pada setiap guru secara tidak langsung akan membantu membentuk sahsiah peribadi yang baik dalam kalangan pelajar selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kajian susulan perlu dilakukan untuk membangunkan suatu set atribut peribadi guru yang paling lazim ditekankan dan mendapat kesepakatan agar dapat memberikan pendedahan yang lebih meluas mengenai kepentingan KPG dalam membentuk seorang guru yang berkualiti. Manakala atribut KPG yang dikenal pasti dapat digunakan untuk tujuan memperkasakan lagi kualiti guru di Malaysia terutamanya dari aspek pemilihan calon guru, latihan pendidikan di institut pendidikan guru serta dapat membantu para guru untuk menambah baik lagi nilai peribadi sebagai seorang yang berkualiti.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2019/SS05/UUM/02/5).

RUJUKAN

- Abd Rahim, A. R. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- AITSL (2011). *Australian professional standards for teachers*. Carlton South, Victoria: Australian Institute for Teaching and School Leadership.
- AITSL (2013). *Annual Report: Promoting excellence in the profession of teaching and school leadership*. Melbourne, Victoria: Australian Institute for Teaching and School Leadership.
- AITSL (2015). *Accreditation of initial teacher education programs in Australia*. https://www.aitsl.edu.au/docs/default-source/default-document-library/accreditation-of-iteprograms-in-australiace118891b1e86477b58fff00006709da.pdf?sfvrsn=86f9ec3c_2
- Arjoon, S. (2000). Virtue theory as a dynamic theory of business. *Journal of Business Ethics*, 28, 159-178.
- Alis Puteh (2016). *Profesion keguruan: guru sebagai role model*. UUM Press.
- ATEE (2006). *The quality of teachers: Recommendations on the development of indicators to identify teacher quality*. Policy Paper.

- Awang, M. S. & Abdul Wahab, J. L. (2016, 31 October & 1 November). Pembinaan kerangka kajian kompetensi guru dalam pengurusan kokurikulum dan salah laku pelajar. Proceeding of the International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD 2016): *Cross-Cultural Education for Sustainable Regional Development*, 967-974. Bandung, Indonesia.
- Banner, J. M. Jr., & Cannon H. C. (1997). The personal qualities of teaching what teachers do cannot be distinguished from who they are. *Change: The Magazine of Higher Learning*, 29(6), 40-43.
- Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1997). Writing narrative literature reviews. *Review of General psychology*, 1(3), 311-320.
- BPG (2009). Standard guru Malaysia. Malaysia: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bush, G., & Jones, J. L. (2010). Exploration to identify professional dispositions of school librarians: A Delphi Study. *School Library Media Research*, 13.
- Call, K. (2018). Professional teaching standards: a comparative analysis of their history, implementation and efficacy. *Australian Journal of Teacher Education*, 43(3). <http://ro.ecu.edu.au/ajte/vol43/iss3/6>.
- Clarke, M. & Moore, A. (2013): Professional standards, teacher identities and an ethics of singularity, *Cambridge Journal of Education*. DOI: 10.1080/0305764X.2013.819070.
- DEST. (2005). National framework for values education in Australian schools. Commonwealth of Australia. Department of Education, Science and Training, Australian Government.
- Diez, M.E. (2006). Assessing dispositions: Five principles to guide practice. In H. Sockett (Ed.) *Teacher dispositions: Building a teacher education framework of moral standards* (pp. 49-69). Washington, DC: AACTE.
- Ebbie, S., Talip, R., & Ag Kiflee@Dzulkifli, D. N. (2019). Pengaruh Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru dan Kompetensi Peribadi Guru Terhadap Efikasi Pengajaran Guru Sekolah Rendah di Zon Pedalaman Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(8), 29 - 38. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i8.323>
- Freeman, L. (2007). An overview of dispositions in teacher education. In M. Diez & J. Rath (Eds.), *Dispositions in teacher education* (pp. 3-29). Information Age Publishing, Inc.
- Fletcher, M., Walker, L., & Boniface, R. (2013). Summary of practice relating to the development, specification and use of professional standards for teachers across the UK and in selected other countries. Preston, Lancashire: RCu Ltd.
- Forster, D. J. (2012). Codes of ethics in Australian education: towards a national perspective. *Australian Journal of Teacher Education*, 37(9). <http://dx.doi.org/10.14221/ajte.2012v37n9>
- Garibay, L. (April 4, 2022). Education Rankings By Country in 2021. <https://valiantceo.com/education-rankings-by-country-in-2021/>
- Green, C., Eady, M., & Andersen, P. (2018). Preparing quality teachers. *Teaching & Learning Inquiry*, 6 (1). <http://dx.doi.org/10.20343/teachlearninqu.6.1.10>
- Idris, N. H., & Hamzah, R. (2012). Nilai Profesionalisme bakal guru berteraskan indikator standard guru malaysia (SGM). *Sains Humanika*, 60(1). <https://doi.org/10.11113/sh.v60n1.172>
- Ingvarson, L., Elliott, A., Kleinhenz, E., & McKenzie, P. (2006). Teacher education accreditation: A review of national and international trends and practices. *Teacher Education*, 1.
- INTASC. (1992). Model standards for beginning teacher licensing and development. Washington, DC: Council of Chief State School Officers. http://www.ccsso.org/projects/Interstate_New_Teacher_Assessment_and_Support_Consortium/Projects/Standards_Development
- Jasmi, K. A. & Nawawi, N. F. (2012, 8-9 March). Model guru berkualiti dari perspektif tokoh pendidikan islam dan barat. [Kertas Pembentangan]. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru. 233-238.
- Johnston, P., Almerico, G.M., Henriott, D., & Shapiro, M. (2011). Descriptions of dispositions for assessment in pre-service teacher education field experiences. *Education* 132(2), 391-401.
- Kinderwater, W. A. (2013). *The role of dispositions in teacher candidate education*. University of Montana.
- KPM (2009). Standard Guru Malaysia. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/images/kpm/pemberitahuan/standard%20guru%20malaysia%20-%202009.pdf>
- KPM (2012). Falsafah Pendidikan Kebangsaan. <http://www.moe.gov.my/my/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- KPM (2013). Hala tuju sektor pembangunan kemanusiaan, Unit hal ehwal murid, Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.slideshare.net/milevi2029/diisiplin-47492478>.
- KPM (2013). Kurikulum standard pendidikan moral tahun 6. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/menunedia/media-cetak/penerbitan/dskp-ksr/1268-dskp-ksr-pendidikan-moral-sk-tahun-6/file>.
- KPM (2018). Standard kualiti pendidikan Malaysia gelombang kedua. <https://www.moe.gov.my/images/kpm/KPM/UKK/2018/06%20Jun/Panduan%20SKPMG2.pdf>
- KPM (2019). Panduan pengurusan matapelajaran pendidikan moral sekolah rendah sekolah menengah. jemaah nazir, Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/pekeliling-dan-garis-panduan/jemaah-nazir-1/4412-buku-panduan-mp-pmoral/file>
- Lang, W. S., & Wilkerson, J. R. (2008). Measuring teacher dispositions with different item structures: An application of the Rasch model to a complex accreditation requirement. *Online Submission*.
- Lickona, T. (1991). *Educating for character: How our schools can teach respect and responsibility*. New York: Bantam Books.
- Lim K. T., Abdull Sukor & Nurul Shahidah (2021). Teacher personal quality: issues of teacher personal quality components and suggestions for future research. Proceedings of the 3rd Conference on Technology & Operations Management, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia, August 24-25, 2021.
- Louden, W. (2000). Standards for standards: The development of Australian professional standards for teachers. *Australian Journal of Education*, 44(2), 118-134.

- Low, S. F., Zainuddin, A., & Ruhani, R. (2016). Standard Guru Malaysia: Tahap pengetahuan guru pelatih PISMP IPG Kampus Ilmu Khas.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2019). *Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI)*. <https://www.mpm.edu.my/en/soalan-lazim/soalan-lazim-medsi>.
- Martin, N. (2008). *A study of the relationship between personal quality and professional quality* [Unpublished dissertation of masters of science]. California State University.
- Maree, C., Wyatt-Smith & Looney, A. (2016). Professional standards and the assessment work of teachers. In Wyse, D., Hayward, L. & Pandya, J. (ed.) *The SAGE handbook of curriculum, pedagogy and assessment*. Sage Publications Ltd.
- Mars, E. (2012, December 2-6). Professional standards, teacher careers and the enactment of professional judgement: an exploration of the discourses. Joint Australian Association for Research in Education and Asia-Pacific Educational Research Association Conference, Sydney.
- Michelli, N. M., & Eldridge, D. (2017). Teacher quality and teacher education quality. *Accreditation from a global perspective*. Michelli, N., Dada, R., Eldridge, D., Tamim, R. & Karp, K. (Eds.) *New York: Routledge Taylor and Francis Group*.
- Murray, F. B. (2007). Dispositions: A superfluous construct in teacher education. *Journal of Teacher Education*, 58(5), 381-387.
- NBPTS. (2016). Five core propositions of the national board for professional teaching standards. <https://www.ctuf.org/wp-content/uploads/2016/08/Five-Core-Propositions.pdf>.
- NCATE. (2002). Professional standards for the accreditation of schools, colleges, and departments of education. Washington, DC: Author.
- NCATE. (2008). Professional standards for the accreditation of teacher preparation institutions. <http://www.ncate.org/documents/standards/NCATE%20Standards%202008.pdf> (pp. 84-92).
- Ohler, J. (2011). Digital citizenship means character education for the digital age. *Kappa Delta Pi Record*, 47(sup1), 25-27.
- Othman, J. (2008). *Manual MEdSI: inventori pemilihan pendidik Malaysia oleh Jawatankuasa Pembangunan Instrumen MEdSI IPTA*. Manual. Percetakan Warni Sdn. Bhd.
- Peterson, B. R. (2016). The development of a disposition for reflective practice. In A. G. Welch & S. Areepattamannil (Eds.), *Dispositions in teacher education* (pp. 3-30). Rotterdam: Sense Publishers.
- Raths, L. E., Harmin, M., & Simon, S. B. (1987). Selections from 'values and teaching'. In J. P. F. Carbone (Ed.), *Value theory and education* (pp. 198-214). Robert E. Kreiger.
- Roslan, A. H. (2014). Kompetensi guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di Kolej Vokasional Negeri Pahang. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- SGM (2009). Standard Guru Malaysia. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Sidek M. N. (2009). Panduan rasmi MEdSI: Malaysian Educators Selection Inventory. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Smith, R. L., & Skarbek, D. (2013). *Professional teacher dispositions: Additions to the mainstream*. R&L Education.
- Stronge, J. H. (2018) *Qualities of effective teachers* (3rd ed.). Alexandria, VA USA: Association for supervision and Curriculum Development (ASCD).
- Strom, K., Margolis, J., & Polat, N. (2019). Teacher professional dispositions: much assemblage required. *Teachers college record*, 121(11), 1-28.
- Tamim, R., M., Colburn, L. K., & Karp, K. (2017). High-quality teachers for high-impact learning. In Michelli N. M., Dada R., Eldridge, D., Tamim, R. M. & Karp, K. (Eds.), *Teacher quality and teacher education quality: Accreditation from a global perspective* (pp. 10). Routledge Taylor and Francis Group.
- Taylor, R. L., & Wasicsko, M. M. (2000, November). The dispositions to teach. In *annual meeting of the South Regional Association of Teacher Education, Lexington, KY*.
- Thomas, K., Huffman, D. & Flake, M. (2016). Pre-service elementary teacher dispositions and responsive pedagogical patterns in mathematics. In A. G. Welch & S. Areepattamannil (Eds.), *Dispositions in teacher education* (pp. 31-56). Sense Publishers.
- Timperley, H. (2011). A background paper to inform the development of a national professional development framework for teachers and school leaders. AITSL, Melbourne, Australia.
- U.S. DoE. (2008). Digest of Education Statistics, 2007 (NCES 2008-022). Department of Education, Institute of Education Sciences, National Center for Education Statistics. Washington, DC.
- U.S. DoE. (2020). What works clearinghouse evidence review protocol for character education interventions. https://ies.ed.gov/ncee/wwc/Docs/ReferenceResources/CharEd_protocol.pdf
- US News & World Report. (2021). Best countries for education 2021. <https://www.usnews.com/news/best-countries/best-countries-for-education>
- Walker, T. J. (2019). Development of a teacher dispositions framework. Doctoral dissertation. <https://digitalcommons.latech.edu/dissertations/829>.
- West, C., Baker, A., Ehrich, J. F., Woodcock, S., Bokosmaty, S., Howard, S. J., & Eady, M. J. (2020). Teacher Disposition Scale (TDS): construction and psychometric validation. *Journal of Further and Higher Education*, 44(2), 185-200.
- Young, A., & Wilkins, E. (2008). Dispositional statements on student teacher evaluation instruments: Commonalities across institutions. *The Teacher Educator*, 43(3), 198-215.

Lim Kong Teong
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik
Universiti Utara Malaysia
Email: ktilim@uum.edu.my

Nurul Shahidah binti Ahmad Nasir
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik
Universiti Utara Malaysia
Email: nurul_shahidah3@oyagsb.uum.edu.my

Abdull Sukor bin Shaari
Pusat Pengajian Pendidikan
Universiti Utara Malaysia
Email: abdsukor@uum.edu.my

Tang Swee Mei
Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
Email: smtang@uum.edu.my

Mastora binti Mustafar
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik
Universiti Utara Malaysia
Email: mastora@uum.edu.my